

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Mohd Azrin Hassan
10 tips mudah berucap di khalayak ramai
Jitra, Kedah: Mohd Azrin Hassan, 2016. 127ms.
ISBN 978-967-13871-0-8

ULASAN

Pengucapan umum kerap dianggap sebagai sukar untuk dilakukan. Maka menjadi hasrat melalui penulisan buku ini penulis cuba membantu pembaca untuk meningkatkan kemahiran berucap di khalayak ramai supaya pengucapannya berkesan dan jelas. Keberanian, keyakinan dan cara mengalunkan suara dengan baik dalam menyampaikan ilmu yang dimiliki kepada umum dikatakan sebagai kunci keupayaan untuk berucap. Ini merupakan intipati daripada 10 tips untuk kemahiran berucap yang di kongsikan oleh penulis.

Menurut penulis, keyakinan adalah berkait rapat dengan kepercayaan kepada keupayaan diri sendiri dan hendaklah lahir dari hati. Keyakinan boleh ditingkatkan dengan memberikan sumber rujukan yang berautoriti untuk menonjolkan kredibiliti pengucap. Keberanian untuk berucap dapat dikawal dengan menghapuskan fobia berucap. Fobia berucap menurut penulis ialah perasaan gemuruh yang normal. Gemuruh boleh ditangani dengan persediaan awal, keselesaan di lokasi, cara

mengawal pernafasan, berfikiran positif dan fokus kepada matlamat berucap adalah penting untuk menguasai isi ucapan dan membuang perasaan gemuruh.

Persediaan awal sebelum berucap termasuk memahami latar belakang audiens. Pengucap perlu memahami kehendak dan kecenderungan audiens berdasarkan kategori mereka bagi menentukan laras bahasa, penampilan diri dan gerak laku yang sesuai apabila persamaan wujud dengan audiens, ia dapat melancarkan proses komunikasi.

Sebutan dan lontaran suara yang sempurna adalah tips yang ketiga dalam memastikan komunikasi berkesan. Komunikasi berkesan ialah situasi apabila mesej daripada satu pihak diterima dan difahami oleh satu pihak yang lain. Penekanan terhadap aspek ejaan dan sebutan berulang-ulang akan mendorong kepada sebutan perkataan yang baik dengan melatih lidah agar mahir dan tangkas dalam menzahirkan sebutan.

Ucapan berkesan juga melibatkan ketrampilan diri pengucap termasuk ekspresi wajah dan gerak laku yang seiring dengan ucapan yang disampaikan. Ekspresi wajah dan gerak laku pengucap boleh mempengaruhi emosi manusia serta mampu membina hubungan positif dengan audiens.

Tidak kurang pentingnya ialah pesona diri yang teserlah apabila pengucap mengawal postur tubuh semasa duduk, berdiri dan berjalan. Ditambah lagi dengan wajah audiens boleh disentuh dengan mata dalam keadaan penuh kemesraan. Teknik penceritaan yang menyentuh emosi dan mewujudkan kelainan boleh menimbulkan rasa kagum dalam jiwa audiens. Ini termasuk dengan ucapan spontan dan diselit dengan sepotong doa.

Disamping itu, penulis turut menekankan kepentingan ilmu tentang peralatan untuk pengucapan dan cara penggunaan yang betul bagi melancarkan proses menyampaikan ucapan. Ini termasuk cara penggunaan mikrofon dan sistem bunyi.

Berucap di khalayak ramai merupakan suatu kemahiran yang amat perlu untuk dikuasai oleh sesiapa sahaja tanpa mengira latar belakang, usia, tahap pendidikan, bidang

pekerjaan mahupun bangsa.

Pengulas:

Nor Shamsinar Baharom

Penolong Pengarah
Bahagian Pengurusan Projek Digital
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Haslina Mohd Anuar
7 rahsia anak pintar

Shah Alam : High Miracle Achievement, 2016. 120ms.
ISBN 978-967-13971-1-4

ULASAN

Buku 7 Rahsia Anak Pintar ini memfokuskan kepada tip, teknik dan strategi yang perlu diperlakukan oleh golongan ibu bapa dalam membesar atau mendidik anak-anak agar menjadi pintar. Ini kerana, mempunyai anak pintar sememangnya menjadi impian setiap insan yang bergelar ibu bapa tidak kira sama ada ibu bapa tersebut perlu melaburkan sedikit masa, tenaga mahupun wang ringgit untuk tujuan tersebut. Hal ini dirasakan penting bagi menjamin masa depan anak-anak agar berjaya dan bahagia.

Justeru, melalui penulisan ini penulis berkongsi rahsia pintar yang telah terbukti berkesan dan amat mudah untuk dilaksanakan. Buku ini ditulis dalam gaya bahasa yang mudah dan perbincangan dibahagikan kepada lima bab utama iaitu fizikal, emosi, mental, rohani dan tindakan. Menurut penulis antara aspek yang penting untuk membentuk anak pintar termasuk membina rasa selamat, membina asas kukuh, membina kasih sayang, membina penghargaan diri, membina disiplin diri, membina

potensi kejayaan serta berusaha, berdoa dan berserah. Setiap bab turut diselitkan amalan gaya hidup sihat seperti mengawal tekanan serta amalan pemakanan yang seimbang dan mempunyai zat untuk minda yang cemerlang.

Penulis memberi penekanan terhadap pentingnya tugas ibu bapa untuk menyediakan persekitaran yang baik kepada anak-anak di samping tidak melabel, mengkritik dan terlalu banyak berleter bagi mengelak tekanan emosi anak-anak termasuk cara yang betul untuk mendisiplinkan mereka.

Panduan hebat untuk mendidik anak bijak, berjaya dan bahagia ini boleh diamalkan mengikut keperluan dan kesesuaian sesebuah keluarga dan bukannya diamalkan sekaligus sehingga menjadi bebanan buat ibu bapa mahupun anak-anak. Ibu bapa boleh melaksanakan strategi yang diberi secara berperingkat bagi memantau keberkesanannya, di samping berdoa dan berserah kepada Allah S.W.T.

Perkongsian ilmu dalam mendidik anak menjadi seorang yang pintar dan berjaya amat sesuai untuk bacaan umum bagi meningkatkan pengetahuan tentang cara terbaik mendidik anak terutama kepada ibu bapa yang tiada tempat rujukan dan juga tidak tahu bagaimana untuk memulakannya.

.

Noor Shazila Johari


Penolong Pustakawan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Rohaniah Noor
Beli rumah kababoom
Kuala Lumpur : Kaseh Trading and Services, 2015.
183ms.
ISBN 978-967-13388-4-1

ULASAN

Ramai orang berminat dengan bidang pelaburan harta tanah tetapi tidak semua orang tahu bagaimana menguruskan pelaburan harta tanah dengan bijak. Namun, jika pelaburan harta tanah dilakukan dengan bijak, ia sebenarnya adalah berisiko rendah. Jika kena dengan pemilihan lokasi yang tepat, harta tanah yang buruk pun tetap akan menjana pulangan lumayan. Kata kuncinya, ialah lakukan dengan proses yang betul.

Buku setebal 183 halaman ini boleh memberikan sepenuhnya gambaran bagaimana selok belok pelaburan harta tanah yang akan membantu kita berjimat dan memperoleh keuntungan jangka masa panjang. Penulis mendapat ilham bagi penghasilan buku ini kerana beliau ingin memberikan pendidikan dan asas tentang pelaburan harta tanah dan membantu dalam pelaburan harta tanah.

Buku ini merupakan kesinambungan daripada versi e-book pertama penulis yang berjudul "wang besar melalui pelaburan harta tanah". Buku ini menarik dibaca kerana gaya penyampaian yang santai serta bersahaja. Berdasarkan tajuk buku sahaja pembaca sudah tertarik kerana ia memberikan deskriptif serta analisa dalam menyampaikan idea beliau. Pembicaraan tentang harta tanah dalam buku yang mengandungi 18 bab ini merangkumi aspek lokasi harta tanah, harga pasaran semasa, kelayakan pembeli, modal iaitu wang pendahuluan untuk tempahan dan dari mana modal itu diperolehi. Bagi pembeli yang melabur dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) disertakan panduan untuk mendapatkan wang pendahuluan dari KWSP.

Selain itu, penulis turut mengingatkan tentang risiko dalam pelaburan harta tanah serta strategi terbaik untuk mengatasinya. Formula pengiraan yang dikongsikan penulis amat mudah difahami dan turut memberikan pandangan untuk membuat perancangan kewangan dengan cara berurusan sendiri tanpa melalui agen atau perunding harta tanah. Hasil penjimatan itu akan membantu pembeli untuk melabur aset yang lain.

Sebagai panduan tambahan, buku ini turut memuatkan maklumat tentang harga pasaran semasa harta tanah, panduan pemilikan harta tanah dan hutang ke atas pembeli serta risiko dalam mendapatkan pembiayaan untuk pelaburan harta tanah.

Buku ini menarik kerana ditulis berdasarkan pengalaman penulis sendiri sebagai pelabur harta tanah dan perunding harta tanah yang telah berjaya dalam berurusan dengan pelbagai pihak termasuk perumahan, peguam harta tanah, pembeli yang berpontensi, agensi Kerajaan yang terlibat dan sebagainya.

Buku ini juga amat sesuai sebagai panduan kepada pembaca yang berminat membuat pelaburan harta tanah dan juga amat bersesuaian untuk bacaan umum. Ia penting dalam usaha merealisasikan impian memiliki harta tanah yang terbaik di pasaran dan berbaloi untuk wang ringgit anda.

Pengulas:

Wan Mohd Saiful bin Mohd Ghazali


Penolong Pustakawan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan

Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Suresh Kumar N. Vellymalay
Guru hebat : penjana transformasi pendidikan negara

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
205ms.
ISBN 978-983-46-1771-4

ULASAN

Guru memainkan peranan dan tanggungjawab yang amat penting dalam melahirkan murid yang cemerlang. Maka, guru perlu mewujudkan nilai tambah ke arah Transformasi Pendidikan Negara. Naskhah ini amat bermanfaat untuk dibaca memandangkan idea-idea yang dicetuskan oleh penulis merupakan input yang diperolehi daripada pengalaman penyelidikan yang dilakukannya berkaitan dengan kerjasama keluarga, sekolah dan komuniti. Idea-idea yang dicetuskan ini dapat meningkatkan nilai tambah selain membangunkan potensi guru dan membolehkan mereka melakukan satu transformasi minda dalam pelbagai aspek pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi membentuk pelajar cemerlang.

Buku ini adalah kompilasi makalah tulisan penulis, yang pernah diterbitkan di dalam Majalah Pendidik sejak dari Oktober 2010 sehingga Disember 2012. Selain itu, buku ini juga turut memuatkan artikel-artikel tambahan dalam bidang pendidikan yang belum pernah lagi diterbitkan.

Dalam aspek ini, motivasi untuk guru tidak seharusnya dilihat pada usaha untuk meningkatkan harga diri guru sahaja. Malah hal ini memerlukan mekanisme yang membolehkan mereka berfikir tentang kelemahan diri mereka dan pendekatan yang sesuai untuk mewujudkan pola pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah yang kondusif bagi menghasilkan modal insan yang intelektual, dinamik dan berdaya saing merentasi ras dan etnik.

Peranan dan tanggungjawab guru lebih daripada sekadar tugas mengajar iaitu mendidik murid untuk menjadi insan yang berjaya dan berkeperibadian tinggi. Fokus utama buku ini adalah untuk mentransformasikan minda guru supaya menjadi pendidik yang cemerlang.

Dari segi susun atur kandungan, buku ini di bahagikan kepada tiga (3) bahagian yang mengandungi 28 bab. Bahagian 1 membincangkan tentang keperluan dan peranan guru sebagai pendidik yang berwibawa dalam menghimpunkan kekuatan ilmu dan menzhirkannya kepada murid. Bahagian 2 mengisi perbincangan tentang kepentingan hubungan kerjasama yang positif antara guru dan murid selain keperluan iklim sekolah yang kondusif dalam menjana persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Bahagian 3 pula menumpukan perhatian kepada strategi yang boleh dimanfaatkan oleh guru dalam merangsang minat dan kecenderungan murid melalui pola pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi mencapai kecemerlangan akademik.


Buku ini disampaikan dengan gaya bahasa yang mudah difahami dan amat sesuai dibaca oleh para guru tidak kira sama ada guru sekolah rendah atau guru sekolah menengah. Gaya penulisan pengarang adalah lebih bercorak deskriptif, penyelidikan dan analisis. Karya ini amat berfaedah kepada para guru yang berwawasan dan ingin melihat kecemerlangan akademik kearah penghasilan modal insan yang berkualiti. Selain itu, penulisan ini juga amat bersesuaian untuk bacaan masyarakat umum untuk meningkatkan pengetahuan tentang peranan dan tanggungjawab guru dalam menghasilkan generasi yang berilmu.

Pengulas:

Zahuddin b. Sidek @ Salleh
PenolongPengarahKanan
BahagianRangkaianSistemPerpustakaan

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Muhaya Hj. Mohamad
Hubungan ketua & pekerja : bagaimana membahagiakannya?

Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2015. 233ms.
ISBN 978-967-0869-91-9

ULASAN

Buku ini merupakan buku motivasi yang dihasilkan oleh seorang profesional yang bukan sahaja pakar mata, motivator, personaliti televisyen, pendakwah dan juga seorang penulis yang berkaliber. Dr Muhaya Haji Mohamad terkenal dalam bidang motivasi sejak tahun 2007 sehingga kini. Pandangan penulis sendiri di mana "bagaimana kita melihat dunia ini, ibarat kita memakai cermin mata. Jika cermin mata pilihan kita berwarna hitam, kita akan melihat dunia ini dengan warna kehitaman. Jika memakai cermin mata berwarna coklat, dunia yang kita pandang akan berwarna coklat. Andainya kita memilih cermin mata berkaca cerah, akan cerahlah dunia yang kita pandang. Sesungguhnya tangan kitalah yang menentukan "cermin mata kehidupan" pilihan kita.

Secara keseluruhannya buku ini membincangkan tentang hubungan ketua dan pekerja dalam 20 bab dan lima (5) bahagian. Perbincangan bermula dengan bagaimana membentuk imej diri yang positif dan negatif. Penulis menekankan pendidikan ketika

zaman kanak-kanak akan menyumbang kepada imej diri mereka apabila dewasa. Penampilan imej diri amat bergantung kepada emosi dan jiwa dalaman seseorang.

Cara membina imej diri antaranya adalah dengan melakukan transformasi diri dari segi dalaman melalui peningkatan nilai spiritual diri melalui peningkatan luaran dan penampilan fizikal. Di samping itu hidup seseorang itu perlu mempunyai matlamat, sayangkan dengan bersyukur dengan pemberian dan kejadian Allah S.W.T. dan juga membina ketenangan diri dan hati kerana orang yang tenang akan menang.

Bagi meningkatkan nilai dalaman, penulis mengesyorkan kepada pembaca supaya fokus kepada penjagaan minda, memelihara silaturrahim dan menguruskan aspek kewangan peribadi. Sementara untuk peningkatan nilai fizikal, pembaca dinasihatkan untuk menjaga kesihatan serta pemakanan dan meningkatkan kecerdasan minda. Di samping itu, menjaga hubungan dengan Yang Maha Pencipta, menjaga hubungan dan hormat dengan semua makhluk Allah S.W.T. dan menjaga kewangan serta sentiasa bersedekah.

Nilai diri yang baik diukur melalui akhlak yang baik. Orang yang bijak sentiasa berfikir dahulu sebelum bertindak. Kita diingatkan supaya jangan sesekali berfikir negatif tentang sesiapa kerana getaran fikiran kita akan sampai kepada orang yang kita fikirkan. Hantar kasih sayang dan hormat kepada semua orang. Cuba buat orang yang kita jumpa berasa mereka bernilai dan seronok tentang diri mereka dengan akhlak yang baik.

Penulis turut menekankan supaya sentiasa saling mempercayai di antara ketua dan pekerja dimana ketua mempunyai prasangka yang baik dan kepimpinan terhadap pekerja. Ketua tidak boleh berprasangka buruk terhadap pekerja seperti tidak jujur, pemalas dan tidak boleh dipercayai kerana gelombang fikiran negatif itu yang akan terjadi. Konsep ‘Rest Minda’, FIKIR POSITIF – RASA POSITIF – RESPON POSITIF – TINDAKAN POSITIF – HASIL KEHIDUPAN POSITIF.


Buku ini disampaikan dengan gaya bahasa yang mudah difahami dan amat sesuai dibaca oleh semua peringkat. Gaya penulisan pengarang adalah lebih bercorak

deskriptif dan berdasarkan pergaulan dan pengalaman. Karya ini amat berfaedah kepada semua pekerja dan para majikan.

Pengulas:

Suhaida Mohamad
Penolong Pengarah
Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan
Perpustakaan Negara Malaysia

ULASAN BUKU



Zaid Mohamad

Ibu bapa bijak, keluarga bahagia

Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2015. 257ms.

ISBN 978-967-86-0517-5

ULASAN

Buku yang bertemakan motivasi dan bidang keibubapaan ditulis seorang perunding motivasi keluarga yang bertauliah ini amat sesuai untuk ibu bapa sebagai panduan dalam mendidik anak-anak dan membina keluarga cemerlang. Mendidik anak bukan hanya terhad kepada pelajaran semata-mata malahan sentuhan dan belaian kasih sayang ibu bapa dan mereka yang terdekat juga mampu menjadikan mereka anak hebat

Ibu bapa merupakan tunjang dalam pembentukan akhlak anak-anak. Ibu bapa berperanan mendidik anak-anak melalui solat berjemaah, mengajar anak-anak tentang adab dan menangani pelbagai isu tentang anak-anak.

Ibu bapa boleh mengambil beberapa panduan yang disyorkan untuk membina keluarga yang bahagia dan berjaya. Perkara yang perlu diberi perhatian termasuklah aspek pencapaian akademik, disiplin dan hubungan baik ibu bapa. Rumahtangga yang

bahagia adalah ditunjangi dengan cinta dan kasih sayang yang teguh dan utuh di antara ahli keluarga.

Pengakhiran bab, penulis menekankan kesedaran tentang tanggungjawab sebagai bapa, ibu dan anak yang perlu dipegang oleh setiap ahli keluarga. Jika aku janji ditepati oleh ketiga-tiga pihak secara efektif, nescaya rumah tangga yang terbina akan menjadi sebuah rumah yang teguh walaupun ada berlaku perselisihan faham dan perbezaan pendapat. Semua permasalahan akan dapat ditangani dengan berkesan seperti saling memahami dan berbincang tanpa dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif.

Buku setebal 258 halaman ini amat sesuai sebagai bacaan ilmiah yang akan membina minda dan hati kita untuk memperbaiki diri terutamanya dalam membentuk kualiti keluarga yang bahagia.


Pengulas:

Haslinda Abdullah

Pembantu Perpustakaan
Bahagian Pengurusan Digital
Perpustakaan Negara Malaysia

Sari Pustaka

ULASAN BUKU



Abdullah Hussain, Dato'
Kisah hidup Seniman Agung P. Ramlee
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
279ms.
ISBN 978-983-49-0596-5

ULASAN

Allahyarham seniman agung Tan Sri P. Ramlee telah meninggalkan peminatnya semenjak 29 Mei 1973, namun nama beliau tetap segar dalam ingatan, malah karya-karya beliau masih setia menjadi wadah tontonan di kaca televisyen. Beliau mempunyai kebolehan yang luar biasa dalam berlakon, bernyanyi, berlawak, bermain alat muzik, mengarah filem dan menghasilkan lagu.

Buku *Kisah Hidup Seniman Agung P. Ramlee* ditulis dan dikarang oleh Sasterawan Negara Abdullah Hussain. Ianya telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2016. Dengan ketebalan 279 mukasurat, mengandungi 18 bab beserta dengan foto kenangan dan glosari.

Penulisan buku ini adalah berdasarkan dokumen-dokumen terkumpul daripada cerita-

cerita Tan Sri P. Ramlee sendiri, cerita daripada mulut Tan Sri P. Ramlee dan daripada kawan-kawan rapatnya yang selalu berada disampingnya. Penulis juga menulis berdasarkan kepada pergaulan rapat beliau dengan Tan Sri P. Ramlee bermula dari tahun 1951.

Pengenalan buku ini, penulis membincangkan tentang kisah hidup Tan Sri P. Ramlee sebagaimana pernah dibukukan dalam buku kecil bertulisan Jawi berjudul *Kisah Hidup P. Ramlee*. Buku itu kemudian diterbitkan dalam tulisan rumi berjudul *Gagak di Rimba*. Kedua-dua buah buku ini telah dibaca oleh Tan Sri P. Ramlee. Penerbitan Kisah Hidup P. Ramlee yang mula-mula itu berdasarkan tulisan beliau yang disiarkan secara bersiri dalam majalah *Gelanggang Filem* di bawah tajuk *P.Ramlee yang Kukenal*. Bagi beliau, itulah rencana tentang seorang bintang filem tempatan yang pernah ditulis dalam majalah filem pada waktu itu.

Melalui buku ini pemikir menelurusi sejarah hidup P. Ramlee bermula daripada kedatangan ayah Tan Sri P. Ramlee, Teuku Nyak Putih daripada Aceh ke Pulau Pinang sehingga ke pengembaman beliau.

Bab 2, mengisahkan detik-detik kelahiran Tan Sri P. Ramlee yang dilahirkan pada hari Rabu tanggal 21 Mac 1928 dan suasana pada ketika itu pada Hari Raya Aidilfitri, ketika khatib sedang membaca khutbah hari raya. Teuku Nyak Putih telah memberi nama anak tunggalnya Teuku Zakaria bin Teuku Nyak Putih kerana dirasakan tidak serasi dengan nama batang tubuh Tan Sri P. Ramlee, lalu ditukar kepada Ramlee.

Kisah perjalanan seni Tan Sri P. Ramlee bermula pada Bab 3, apabila beliau menyertai Pancaragam Teruna Sekampung dan Pancaragam Keroncong Pemuda Indonesia. Bakat beliau yang luar biasa akhirnya dikesan oleh *B.S.Rajhans*, seorang sutradara berpengalaman dari Singapura semasa P. Ramlee mengadakan persembahan di Pertunjukan Tanaman Melayu bersama rakan karibnya pada waktu itu iaitu Sukardi. Persembahan tersebut diadakan di pekan Bukit Mertajam pada akhir bulan Mei dan permulaan bulan Jun tahun 1948. Lanjutan itu, Tan Sri P. Ramlee telah dipanggil untuk menghadiri *screen test* di Singapura bersama teman karibnya Sukardi.

Bertolak dari itu, bermulalah perjalanan seni yang penuh dengan kisah jatuh dan bangun, kepedihan dan penderitaan yang terpaksa dilalui sebelum menempa kejayaan dan kisah sehingga beliau meninggal dunia pada 29 Mei 1973.

Penceritaan yang jelas beserta dengan fakta dan nama-nama di sebalik kehidupan Tan Sri P. Ramlee menjadikan naskhah ini merupakan naskhah yang seharusnya dimiliki oleh para peminat Tan Sri P. Ramlee. Buku ini juga banyak memetik karangan-karangan yang tersiar pada ketika penglibatan Tan Sri P. Ramlee dalam dunia seni di dalam New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, Utusan Melayu (Malaysia) Berhad, Dewan Bahasa dan Pustaka, Tinta Press Sdn. Bhd., majalah Bintang dan Majalah Filem Singapura. Petikan-petikan tersebut menjadikan buku ini amat menarik dibaca kerana ianya mengandungi fakta-fakta tentang Tan Sri P. Ramlee sebagai seniman Agong Negara yang tiada tolak bandingya sehingga hari ini.

Pengulas:

Razman Abd. Rani
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Projek Digital
Perpustakaan Negara Malaysia

SINOPSIS BUKU




Mohd Nazri Hassan, Wan Haslindawani Wan Mahmood, Wan Suriana Wan Ab Rahman, Zefarina Zulkafli

100 persoalan mengenai pemindahan sel stem darah

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
153 ms.
ISBN 978-983-49-0201-8

Pemindahan sel stem darah merupakan satu kaedah rawatan perubatan moden yang digunakan dengan meluas pada masa kini. Ianya telah wujud di Malaysia lebih 10 tahun yang lalu. Pemindahan sel stem darah dapat merawat pelbagai jenis penyakit terutamanya penyakit darah tinggi, kegagalan sistem imunisasi dan penyakit akibat gangguan genetik. Antara topik yang dibincangkan dalam buku ini adalah bagaimana kaedah pemindahan sel stem darah dilaksanakan, penderma dan penerima sel stem darah yang layak, proses pemindahan sel stem dan komplikasi pendermaan serta pemindahan sel stem darah. Maklumat yang terkandung dalam buku ini amat berguna kepada bakal penderma dan penerima sel stem darah. Ia juga sesuai untuk golongan dewasa serta pelajar dan kakitangan perubatan.

SINOPSIS BUKU




Fazalina Hj Ismail
100 puding & desert
Shah Alam : Alaf 21 @
Grupbuku Karangkraf, 2015.
224ms
ISBN 978-967-86-0471-0

Resipi yang terkandung di dalam buku ini merupakan air tangan daripada Juara Pertandingan Chef Selebriti BH 2011. Ia menyajikan 100 jenis resipi yang terdiri daripada 50 jenis puding dan 50 jenis desert yang menyelerakan. Puding atau desert adalah pencuci mulut yang sangat istimewa dan mudah disediakan dan biasanya dihidangkan pada pengakhiran sajian makanan. Hidangannya juga kelihatan cantik dengan pelbagai hiasan dan boleh diolah dalam aneka bentuk dan warna yang kreatif untuk dijadikan sebagai hantaran perkahwinan. Pelbagai resipi puding sejuk dan panas dipaparkan dalam buku ini dan tambah menarik lagi disertakan dengan ilustrasi berwarna-warni berserta senarai bahan-bahan masakan yang ringkas dan sukatan bahan untuk makluman pembaca. Selamat mencuba!

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Syed Mohd Norhisham
Tuan Padang
✓ **check sokmo deh : 20
checklist akhlak**
Kuala Lumpur : Telaga Biru,
2016. 252ms.
ISBN 978-967-388-223-6

Karya ini boleh dianggap sebagai usaha penulis meneruskan legasi ulama dalam menyampaikan hadis Nabi dalam bacaan yang padat dan sesuai dengan keadaan semasa masyarakat moden hari ini. Penulis menyentuh pelbagai isu penting dan sangat wajar diambil perhatian oleh setiap individu yang ingin mengamalkan akhlak Islam dalam kehidupan. Antaranya isu rasuah, aurat, etika berinteraksi, tatacara dalam organisasi, menjadi VVIP di Mahsyar, persediaan sebelum menuju akhirat, akhlak sebagai tanda aras tahap keimanan dan banyak lagi yang amat menarik untuk dibaca. Buku ini turut memberikan sudut pandang dan bimbingan terhadap isu-isu semasa yang menjadi rencam kehidupan dewasa ini. Kandungan isi dan hadis dalam buku ini diadun dan dihuraikan secara ringkas tetapi padat dan santai. Ianya sesuai untuk tatapan pembaca yang inginkan solusi segar bagi mengembalikan ummah ke landasan yang sebenar menuju redha Ilahi.

SINOPSIS BUKU




Razali Saaran
**44 rahsia bina hati
bahagia**
Shah Alam : Grup Buku
Karangkraf, 2015. 329ms.
ISBN 978-967-86-0461-1

Hati adalah satu komponen dalam badan yang berhubung secara langsung dengan akal fikiran. Hati yang tenang dan bahagia amat menjadi idaman setiap orang, kerana ia akan memberi kesan positif kepada setiap tindakan yang dilakukan. Antara rahsia untuk hati mencapai kebahagiaan ialah dengan sifat sabar. Buku ini turut memberi panduan kepada pembaca bagaimana untuk membina pemikiran yang hebat agar mendapat keputusan atau hasil yang hebat. Sebaliknya jika hati seseorang itu rosak dengan sifat-sifat yang negatif secara tidak langsung akan merosakkan sistem pemikiran dan akan terhasil keputusan yang negatif juga. Oleh itu kita hendaklah bijak mengawal hati agar minda sentiasa sihat dan positif. Sebagaimana yang ditekankan oleh pengarang di dalam bukunya agar pembaca memperoleh hati yang tenang bahagia.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Fairus Hussain
Aku Omardin
Puchong, Selangor :
Muhammad Fairus Hussain,
2015. 254ms.
ISBN 978-967-13689-0-9

Buku ini menceritakan kisah rahsia kejayaan hidup Pendekar Negara, Allahyarham Mahaguru Tan Sri Datuk Wira Haji Omardin Mauju. Sejak kecil lagi beliau sudah berdepan dengan keperitan hidup akibat menderita penyakit lumpuh atau polio, iaitu sejenis penyakit yang amat sukar diubati ketika itu. Walaupun mempunyai kekurangan fizikal, beliau mempunyai formula tersendiri untuk mencapai impiannya dan tidak menghalang beliau untuk terus berusaha. Guru silat beliau berusaha mengubati penyakitnya. Berkat kesungguhan beliau, ketika baru berusia 22 tahun Omardin telah berjaya dilantik menjadi Guru Muda silat berkenaan. Kejayaannya tidak berakhir disitu kerana selang beberapa bulan kemudian setelah melalui penilaian dan ujian getir gurunya, Omardin dilantik sebagai 'Mahaguru' dan diberi kebenaran oleh Syed Abdul Rahman mengajar Silat Lincah. Secara kesimpulannya, buku ini buka sahaja menceritakan mengenai rahsia kejayaan hidup Mahaguru, tetapi merangkumi amalan pemakanan, cara berfikir dan cara melihat dunia dengan pandangan sudut yang berbeza.

SINOPSIS BUKU




Awang Sariyan, Datuk
**Asas falsafah dan
pemikiran Melayu**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2016.
141ms.
ISBN 978-983-49-0165-3

Buku ini menampilkan falsafah dan pemikiran dari kalangan pemikir-pemikir Melayu Islam untuk memberikan penjelasan dalam memahami asas falsafah Melayu Islam. Bagi tujuan tersebut penulis membuat perbandingan diantara falsafah barat dan falsafah Islam. Di antara ahli falsafah barat yang masyhur yang diketengahkan ialah seperti Socrates, Plato dan Aristotle yang menjadi asas dan rujukan kepada ahli falsafah moden. Selain itu, kandungan buku ini turut menjelaskan akan konsep falsafah Islam yang dipegang oleh golongan cerdik pandai Melayu Islam. Falsafah Islam menjadi dasar kepada falsafah pendidikan mengikut asas ilmu-ilmu Islam dengan berpaksikan ketauhidan.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Syed Ismail Syed Mustapa,
Ahmad Subki Miskon
**Asas kepimpinan &
perkembangan
profesional**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 400ms.
ISBN 978-983-59-78531

Profesion perguruan merupakan profesion yang tidak ditelan zaman dan kini kehebatannya telah diperakui ramai. Semenjak tahun 1960-an dan sehingga kini profesion perguruan menjadi rebutan besar para lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kerana pada setiap tahun permintaan terhadap bidang ini semakin meningkat. Manakala tempat yang ditawarkan adalah terhad. Buku ini membincangkan tentang perkembangan profesionalisme pendidikan guru yang semakin mendapat perhatian umum ekoran kesukaran para lulusan universiti mendapatkan pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka. Kementerian Pendidikan telah menyediakan pelbagai kemudahan dan mewajibkan bakal guru terlatih menjalani pelbagai kemahiran baru sesuai dengan arus peredaran zaman. Guru yang professional harus menguasai kemahiran teknologi maklumat kerana gabungan ilmu dan teknologi dapat menjadi pemangkin ke arah menghasilkan pendidikan yang berkualiti. Setiap guru perlu bertanggungjawab terhadap profesion tersebut kerana ini adalah cara memartabatkan mutu perkhidmatan dan meningkatkan imej kendiri guru dan murid.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Anuar Ithnin
Bahaya tapak pelupusan sisa pepejal

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
160ms.

ISBN 978-983-49-0149-3

Buku ini membincangkan tentang pelbagai aspek kesihatan persekitaran menfokuskan hal yang berkaitan dengan tapak pelupusan dan rawatan sisa pepejal. Peningkatan populasi penduduk, proses urbanisasi dan pembangunan pesat di Malaysia dalam menuju negara maju memberikan implikasi kepada peningkatan jumlah sisa pepejal yang dihasilkan setiap hari, terutamanya di bandar besar seperti Kuala Lumpur. Pelepasan gas daripada tapak pelupusan sisa pepejal memberikan kesan kepada kesihatan manusia seperti masalah sistem pernafasan, sistem neuropsikologi, masalah kulit dan sebagainya. Pada masa ini, bekas tapak pelupusan sampah mempunyai nilai ekonomi yang tinggi mendorong kepada pembangunan untuk petempatan, kawasan rekreasi dan sebagainya. Undang-undang yang ketat haruslah dikuatkuasakan bagi memastikan pembangunan yang dijalankan menepati matlamat yang ditetapkan dan menjamin kesihatan anggota masyarakat setempat.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Izawati Eni
Baju kelawar, bedak sejuk
Batu Caves, Selangor :
Must Read, 2015. 179ms.
ISBN 978-967-0716-65-7

Buku ini di hasilkan daripada pengalaman peribadi penulis sebagai seorang suri rumah. Ramai yang tidak menyedari konflik yang dialami oleh seorang suri rumah kerana mereka memainkan peranan di belakang tabir, malah ia tidak dianggap sebagai sebuah kerjaya. Melalui buku ini, penulis berkongsi pelbagai persoalan yang telah diajukan kepada beliau yang memilih untuk menjadi suri rumah sepenuh masa walaupun memiliki segulung ijazah. Buku ini memberikan gambaran umum tentang dilema kehidupan seorang suri rumah sepenuh masa dan konflik-konflik yang dihadapi oleh golongan ini. Isi yang terkandung dalam buku ini dapat memberi motivasi kepada para suri rumah di luar sana untuk terus melaksanakan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan redha.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Awang Sariyan, Datuk
Kumpulan puisi : di denai kehidupan
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2016.
162ms.
ISBN 978-983-49-0381-7

Buku ini menghimpunkan 143 buah puisi karya Awang Sariyan, tokoh bahasa dan persuratan Melayu di peringkat serantau dan antarabangsa. Kumpulan puisi ini mewakili pelbagai bentuk puisi Melayu seperti gurindam, pantun, syair dan seloka warisan leluhur. Melalui kekuatan seni dan persembahan bahasa puitis yang tinggi nilai estetikanya, penulis membawakan tema dan persoalan yang menyentuh pelbagai aspek, seperti sosial, perjuangan bangsa dan Negara, pembinaan akal budi bangsa dan agama sebagai tonggak peradaban bangsa, serta pembentukan jati diri dan wawasan bangsa yang bertunjangkan ilmu pengetahuan untuk khalayak terutama kalangan dunia persuratan Melayu.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Hassan Hj. Mohd. Ali, Dato'
**Fahami aku sayang,
dengari aku abang**
Batu Caves, Selangor : PTS
Pub. House, 2015. 404ms.
ISBN 978-967-411-389-6

Buku ini memaparkan bisikan hati, luahan perasaan, cetusan batin, dan bisikan hati nurani pasangan suami isteri kepada pasangan masing-masing. Fakta-fakta objektif dan subjektif ini dikumpul, disusun dan dipersembahkan berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui program-program kekeluargaan, keibubapaan dan kecemerlangan pelajar serta remaja. Memberi penekanan istimewa kepada persoalan ‘bagaimana’ bukan kepada ‘apa’ dan ‘mengapa’ serta mengajak pembaca mempraktikkan beberapa cadangan yang dikemukakan bagi setiap persoalan yang dibincangkan. Pelbagai tip mudah dan ringkas boleh diamalkan bagi menyelami perasaan antara suami dan isteri supaya bahtera rumah tangga dapat dilayari dengan penuh hikmah.


SINOPSIS BUKU



Khairul Abdullah
I'm a backpacker : Europe
Batu Caves, Selangor :
Puteh Press, 2016. 230ms.
ISBN 978-967-369-314-6

Majoriti rakyat Malaysia pasti mempunyai keinginan untuk menjakkan kaki ke bumi Eropah yang mempunyai pemandangan yang menyegarkan mata, monumen-monumen dan bangunan-bangunan bersejarah seperti Kota Paris. Buku ini memberikan panduan kepada pembaca yang ingin mengembara ke Eropah dengan bajet yang terhad tanpa menggunakan agensi pelancongan. Dengan bajet kurang daripada RM6000, pembaca diberi panduan untuk mengembara dua belas (12) bandar besar di Eropah seperti Milan, Paris, Madrid, dan Berlin. Di samping dapat berjimat, mereka juga dapat merancang sendiri perjalanan mengikut kesesuaian dan kehendak masing-masing. Pengembaraan secara berseorangan mahupun secara berkumpulan, pilihan tarikh, tempat, aktiviti, jenis pengangkutan, penginapan, tukaran wang, makanan, pakaian, dan banyak lagi.

SINOPSIS BUKU



Buku ini padat dengan resipi-resipi popular dari dalam dan luar negara hasil ciptaan pengarang yang merupakan Juara MasterChef Malaysia (musim pertama). Gambar-gambar yang menarik dengan susunan ‘still-life’ nampak menyelerakan dan tidak jemu diulang baca. Susunan resipi juga mudah untuk semua peringkat kemahiran kulinari. Ia juga disusuli oleh coretan pengarang yang membuatkan ia mesra dibaca dan mudah difahami. Turut disertakan, indikasi yang begitu jelas iaitu saiz hidangan, tempoh penyediaan bahan, dan tempoh memasak. Gambar yang menunjukkan langkah-langkah penyediaan juga mudah diikuti dan jelas tanpa perlu membaca lebih lanjut. Di samping itu, buku ini turut menampilkan teknik asas seperti membuat doh pai sehingga ia dihampar ke dalam loyang. Masakan-masakan ini nampak mudah sehingga pembaca pasti teruja dan mahu mencuba resipi yang dipaparkan.

Ezani Monoto
Inspirasi dapur
Batu Caves, Selangor : Must Read, 2015. 294ms.
ISBN 978-967-0716-38-1

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Norhayati Ibrahim
Kaunseling dalam bidang kesihatan
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
225ms.
ISBN 978-983-49-0754-9

Buku ini membincangkan tentang kaunseling yang perlu ada bagi mereka yang berkhidmat dalam profesion kesihatan. Mereka berurusan dengan pesakit agar dapat memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkesan. Antara topik yang dibincangkan adalah tentang kaunseling secara umum, kaedah dan teknik, serta penekanan tentang teori-teori yang berkaitan. Kaunseling dan kesihatan merupakan dua perkara yang saling berkait kerana melibatkan impak perkhidmatan kepada pesakit. Buku ini boleh dijadikan dapat menjadi panduan dalam memahami pesakit serta membantu pelajar-pelajar dalam bidang kaunseling, sains kesihatan, dan ahli professional kesihatan yang terlibat dalam profesion dalam menangani masalah pesakit.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Mohamed Yusoff Idris
Kecurangan : merungkai persoalan, mencari penyelesaian
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
202ms.
ISBN 978-983-46-1848-3

Kecurangan merupakan masalah sosial yang sensitif dan berbentuk peribadi. Peringkat awal kecurangan dilihat sebagai musibah yang menimpa diri sendiri, namun sekiranya berleluasa tanpa dikawal, lama-kelamaan gejala ini akan menjadi bencana kepada masyarakat. Justeru itu, penulisan buku ini membongkar dan membahas gejala sosial yang sering berlaku dalam masyarakat, iaitu kecurangan yang banyak memecah belahkan rumahtangga dan kerosakan dalam masyarakat. Melalui buku ini, penulis cuba memberi kefahaman kepada masyarakat tentang gejala kecurangan berdasarkan analisis dari pelbagai aspek termasuk punca kecurangan dan cara menghindarinya serta cara menyelesaiannya. Peranan keluarga dan masyarakat serta risiko yang akan dihadapi turut dijelaskan secara ringkas dan padat. Selain itu, prinsip dan pandangan Islam juga diberi penekanan dalam buku ini.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Faridah Nazir, Ratna Laila
Shahidin & Faiziah
Shamsudin
**Kesantunan masyarakat
Malaysia**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 128ms.
ISBN 978-983-59-7865-4

Budi bahasa dalam masyarakat di Malaysia amat dititik berat oleh semua bangsa tidak kira apa jua keturunan dan warna kulit. Ia merujuk kepada tutur kata, kelakuan, sopan santun dan tata tertib atau tatahidup, dan perasaan baik yang dituntut oleh masyarakat. Ketinggian budi bahasa digambarkan melalui pelbagai bentuk seperti masyarakat Malaysia, pantun, syair, lagu dan gurindam. Buku ini cuba mengetengahkan ketinggian budi bahasa masyarakat Malaysia seperti kesantunan berbahasa, bentuk dan jenis kesantunan, strategi kesantunan verbal dan bukan verbal serta perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan kesantunan berbahasa. Antara contoh strategi kesantunan verbal dalam masyarakat Malaysia yang ditonjolkan ialah strategi toleransi iaitu dengan mendahulukan orang yang lebih tua berbicara dan beberapa strategi lagi.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Shamsuri Shafie, Dato'
Kewujudan makhluk halus jin & syaitan
Shah Alam : Grup Buku Karangkraf, 2015. 201ms.
ISBN 978-967-86-0579-3

Menurut penulis, kecanggihan perubatan moden masih tidak dapat menangani masalah untuk mengubati penyakit yang dikatakan berpunca daripada gangguan jin dan syaitan terutamanya yang melibatkan hysteria, kerasukan, sihir dan yang seumpama dengannya. Hal ini menjadikan mereka yang kurang teguh imannya dan kecewa mencuba kaedah rawatan secara sihir dan bomoh yang boleh menjerumuskan ke dalam kesyirikan. Keadaan ini berterusan sehingga timbul kesedaran tentang kaedah perubatan Islam yang menjadi amalan Rasulullah SAW bagi pelbagai penyakit yang memenuhi tuntutan syariat Islam serta bertepatan dengan kehendak Allah SWT. Buku ini boleh dijadikan rujukan awal kepada mereka yang ingin mempelajari asas perubatan Islam. Dilengkapi dengan zikir-zikir dan wirid amalan Rasulullah SAW.

SINOPSIS BUKU




Lim, Boon Hooi, Teo, Eng Wah, Chandra Lingesh Sukalinggam & Gabriel Lingesh Sukalinggam
Latihan beban
Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2016.
175ms.
ISBN 978-983-100-839-3

Senaman membolehkan seseorang itu hidup cergas dari segi fizikal dan mental, lebih sihat dan tidak mudah dijangkiti penyakit. Kehidupan individu yang bersenam akan lebih sejahtera dan berkualiti berbanding dengan individu yang kurang aktif. Kewujudan pusat-pusat gim disektor kerajaan dan swasta telah memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk bersenam. Masalah utama kebanyakan rakyat Malaysia adalah kekurangan pengetahuan asas mengenai cara dan teknik yang betul untuk melakukan senaman di gim. Sehubungan itu, buku ini sesuai dijadikan rujukan kepada pembaca yang ingin mempelajari mengenai senaman di gim melalui penerangan bergambar yang jelas dan mudah difahami. Ia juga boleh digunakan bersama-sama sumber bacaan lain untuk meningkatkan kefahaman tentang teknik-teknik senaman gim yang lebih kompleks.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Sharkawi Che Din
Media digital
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016.
161ms.
ISBN 978-983-46-1778-3

Bidang media digital membuka dimensi terbaru dalam perkembangan teknologi terkini kepada generasi masa kini. Buku ini bertujuan mendedahkan pembaca terutama teknologi digital dan grafik komputer yang boleh dimanfaatkan media komunikasi dan promosi yang berkesan. Aplikasi media digital dibahagikan kini didapati dalam bentuk foto digital, ilustrasi digital, penggubahan digital, video digital, multimedia interaktif dan penerbitan. Pengendalian imej digital tidak dapat dilakukan secara sistematis tanpa memahami aspek asas yang berkaitan penghasilan imej digital yang berkualiti tinggi dari segi ketepatan paparan warna, tahap keterperinciannya ketika diaplikasikan dalam medium digital untuk tujuan animasi, kesan khas, cetakan dan multimedia interaktif. Teknologi media digital ini membuka banyak peluang pekerjaan serta tidak hanya memfokuskan kepada penguasaan teknikal semata-mata, malah aspek nilai estetika menjadi kriteria penting bagi mereka yang ingin menceburkan diri dalam bidang ini secara serius.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Pengetahuan tentang harta intelek amat penting dalam konteks pembangunan perniagaan serta persaingan ekonomi tempatan dan sejagat. Buku ini membincangkan secara komprehensif mengenai harta intelek meliputi kefahaman tentang syarat-syarat pendaftaran dan perlindungan, hak-hak dan tanggungjawab pemilik harta intelek, dan langkah-langkah pendaftara. Buku ini berupaya memberi kefahaman kepada pembaca kerana disampaikan secara mudah berserta contoh-contoh kes. Sesuai sebagai bahan rujukan oleh golongan usahawan, pelajar, penyelidik, karyawan, pembuat dasar dan seumpamanya.

Jamaludin Abu Bakar
Memahami harta intelek
Batu Caves, Selangor :
Dunia Ilmu Tijarah, 2016.
220ms.
ISBN 978-967-0979-00-7

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Nurul Badriyah Ali
Mengapa rezeki selalu sempit

Batu Caves, Selangor :
Must Read, 2015. 134ms.
ISBN 978-967-0716-31-2

Buku ini membicarakan konsep rezeki dari sudut pandangan Islam. Memberi panduan untuk umat Islam cara untuk memperoleh rezeki, berlandaskan al-Quran dan sunah. Islam menyarankan umatnya beberapa kaedah yang boleh diusahakan untuk memperoleh rezeki dan mengurus ekonomi keluarga. Selain itu buku ini turut memuatkan doa yang boleh diamalkan ketika menghadapi kesempitan dan masalah dalam hidup. Penulis turut menghuraikan bagaimana Al-Quran menyebut tentang pengurusan ekonomi. Di samping itu, perkaitan antara doa ibu dan ayah serta tips-tips bagi mengatasi masalah kewangan turut dibincangkan. Konsep bersedekah dan fadilatnya juga turut ditekankan bagi tujuan membersihkan jiwa dan harta. Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh pembaca disamping usaha ikhtiar bagi memperoleh rezeki yang halal.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Ab. Aziz Yusof
Mengurus politik pejabat
Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.
272ms.
ISBN 978-983-46-0934-4

Kejayaan pengurus dalam mengurus organisasi turut dipengaruhi keupayaan mereka untuk mengurus politik pejabat dengan penuh bijaksana. Pengurus akan berhadapan dengan karenah pengurusan atasan yang sukar difahami, gelagat anggota yang pelbagai ragam dan tuntutan lain yang diluar jangkaan untuk dipenuhi. Semua desakan, tuntutan dan kecenderungan ini akan memaksa pengurus untuk berpolitik dan menjadi pemain politik pejabat yang celik dan licik. Beliau harus memiliki kemahiran dan kepakaran dalam mengawal dan memberikan perhatian kepada persaingan dalaman yang tidak produktif. Buku ini disediakan khusus untuk pembaca memahami selok-belok politik pejabat, ancaman dan peluang yang datang serentak dengannya dan memilih strategi terbaik dalam menghadapinya. Kematangan seseorang dalam menguruskan politik pejabat akan mempengaruhi siapa sebenarnya dalam sebuah organisasi.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



**Pembangaran &
transformasi ruang di
Malaysia**
Tanjong Malim, Perak :
Penerbit UPSI, 2016.
171ms.
ISBN 978-967-0924-14-4

Buku Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar ke-4 pada tahun 2013 ini memuatkan pelbagai isu terkini dan senario semasa dalam perkembangan yang berlaku di Bandar dan desa. Berdasarkan data Banci Penduduk tahun 2010, kadar pembandaran Malaysia didapati sudah mencapai 72 peratus dan dijangkakan akan mencecah 75 peratus pada tahun 2020. Dalam kata lain lebih ramai penduduk Malaysia yang tinggal di kawasan bandar berbanding dengan kawasan luar bandar. Proses pembandaran ini turut membawa perubahan dari pelbagai aspek kehidupan manusia dan juga alam sekitar. Namun amat penting ialah kesejahteraan manusia dan kepentingan mengekalkan integriti terhadap alam sekitar supaya selari dengan pembangunan.

SINOPSIS BUKU




Khairuddin Mohamad,
Maridah Alias & Faiziah Hj.
Shamsudin
**Pemulihan dan pengayaan
pengajaran bahasa Melayu**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 198ms.
ISBN 978-983-59-7859-3

Pendidikan pemulihan amat penting dalam pengajaran bahasa Melayu bagi membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran. Buku yang merangkumi 12 bab ini ditulis berdasarkan proforma kursus Pemulihan dan Pengayaan Pengajaran Bahasa Melayu. Melalui penggunaan bahasa yang mudah buku ini membincangkan secara terperinci tentang kepentingan menguasai pendidikan pemulihan dalam kalangan pendidik dan strategi yang boleh digunakan bagi mengendalikan kelas-kelas pemulihan dengan lebih sistematik dan berkesan. Juga disertakan satu set soalan contoh berserta jawapan untuk kegunaan para guru. Buku ini amat sesuai sekali dijadikan bahan bacaan dan rujukan untuk guru-guru yang mengajar pelajar kelas pemulihan di sekolah rendah dan menengah.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Suthanthradevi J.N.J
Money & Ekmal Rosli
**Pengakap kanak-kanak:
untuk jurulatih dan
pemimpin**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 241ms.
ISBN 978-983-59-7610-0

Lord Baden Powell merupakan pengasas kepada Pergerakan Pengakap dengan penubuhan asalnya dinamakan sebagai *Scouts Movement* yang bermaksud ‘pengintip’ pada tahun 1906. Sejarah dan perkembangan serta beberapa peristiwa penting berkaitan penubuhan Persekutuan Budak-badak Pengakap dari 1908 hingga 2011 boleh diketahui melalui buku ini. Buku ini juga membantu memberi pendedahan kepada golongan remaja secara fizikal, menanam semangat dan membimbing pembaca berfikir dengan cara pembelajaran tidak formal. Teori dan praktikal yang terkandung dalam buku ini boleh dimanfaatkan oleh pembaca walaupun anda bukan seorang ahli pengakap, sebagai contoh cara memasak telur menggunakan oren atau limau sunkist, cara membaca peta, mengenal dan membaca kompas, kemahiran membuat gajet ketika di dalam hutan dan pelbagai ilmu pengetahuan yang boleh diambil.

SINOPSIS BUKU




Faridah Nazir
**Pengantar linguistik
bahasa Melayu**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 160ms.
ISBN 978-983-59-7861-6

Linguistik merupakan satu bidang ilmu yang masih belum difahami sepenuhnya oleh ramai pelajar bahasa dan orang kebanyakan. Pengajian linguistik merupakan kajian tentang pelbagai aspek cirri-ciri bahasa, sifat bahasa meliputi sejarah perkembangan bahasa dan variasi bahasa. Buku ini membincangkan secara terperinci tentang lima bidang linguistik yang meliputi linguistik am linguistik gunaan, linguistik sejarah, linguistik perbandingan dan linguistik kontekstual. Perbincangan tentang sejarah perkembangan ilmu linguistik dari zaman Yunani, Iskandariah, Rom, zaman pertengahan, Arab, India, linguistik bandingan dan linguistik moden turut dimuatkan dalam buku ini.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Penyelidikan dalam bidang pendidikan di Malaysia perlu diperincikan untuk menambahbaik sistem pembelajaran supaya negara dapat melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan. Walaupun bukan suatu perkara mudah tetapi perlu dilaksanakan dengan sistematik untuk hasil yang terbaik. Buku ini menjelaskan mengenai kajian penyelidikan tindakan yang boleh dijadikan panduan kepada penyelidik atau dalam bidang berkaitan. Buku ini juga sesuai digunakan oleh penyelidik dalam bidang yang lain.

Akhiar Pardi & Shamsina
Shamsuddin
**Pengantar penyelidikan
tindakan**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 293ms.
ISBN 978-983-59-7586-8

SINOPSIS BUKU




Chek Mat
Kecemerlangan amalan pengurusan penyeliaan kontemporari
Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2016. 285ms.
ISBN 978-967-0798-88-2

Buku ini menampilkan beberapa kaedah berkesan kepada pengurus dalam penyediaan sumber manusia dalam mana-mana organisasi atau mana-mana peringkat penyeliaan. Perbincangan mengenai topik tersebut terdapat dalam lapan bab bagi menerangkan penyeliaan secara menyeluruh meliputi amalan penyeliaan, peranan dan kemahiran penyeliaan, tanggungjawab penyelia, pengurusan diri, amalan penyeliaan operasi, amalan penyeliaan latihan dan amalan penyeliaan kepimpinan. Kandungan buku ini turut mencakupi pembentukan teori, model dan aplikasi pengurusan penyeliaan dalam situasi sebenar di tempat kerja. Buku ini dapat dijadikan panduan untuk membantu para penyelia serta sesbuah organisasi meningkatkan dan memperbaiki kualiti kerja dalam sesbuah organisasi.

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Faridah Nazir, Norhiza
Mohd Salleh, Zairinah Mohd
Shukur


Perkembangan kanak-kanak

Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 195ms.
ISBN 978-983-59-7852-4

Buku ini mengandungi tentang aspek perkembangan kanak-kanak dari sudut psikologi. Mengemukakan teori perkembangan kanak-kanak dari sudut fitriah kejadian manusia menurut persekitif agama dan biologi untuk guru-guru dan ibu bapa. Buku ini memberi penekanan kepada perkembangan kanak-kanak dalam aspek fizikal, kognitif, sosioemosi, kendiri dan implikasinya terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kesedaran tentang perkembangan kanak-kanak dalam dunia pendidikan adalah relevan bagi memahami, mengenali dan membentuk perilaku positif kanak-kanak selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Sari Pustaka


SINOPSIS BUKU



Lokman Abdul Hamid
Perubatan al-Quran
rawatan penyakit kronik =
Quranic medicine in
healing chronic illness
Batu Caves, Selangor : Must
Read, 2016. 296ms.
ISBN 978-967-0716-40-4

Rasulullah SAW bersabda yang membawa maksud ‘Sebaik-baik ubat itu adalah Al-Quran’. Buku ini menampilkan kaedah rawatan berdasarkan ayat-ayat suci Al-Quran dan mengubati 16 penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, jantung koronari dan strok, yang sering dialami oleh rakyat Malaysia. Punca, simptom dan langkah-langkah pencegahan turut disertakan dengan garapan bahasa yang mudah difahami dengan disertakan juga ilustrasi yang kelihatan menarik. Isi buku ini padat dengan kupasan ayat-ayat Al-Quran yang mujarab. Sesuai untuk bacaan umum tentang kaedah penyembuhan penyakit kronik melalui perubatan islam.

SINOPSIS BUKU




Buku ini membincangkan aspek regionalism tentang seni bina di Malaysia. Buku ini juga menyingkap tabir sejarah regionalism dan kesannya terhadap seni bina di Malaysia secara kritis. Kandungan buku ini turut membincangkan pelbagai aspek seni bina Malaysia dan keunikannya kesan dari regionalism. Mengandungi pelbagai gambar senibina unik dan menarik dari dulu sehingga kini yang terdapat di Malaysia. Boleh dijadikan landasan untuk cetusan pemikiran baru tentang perkembangan seni bina tempatan.

Gurupiah Mursid, Mohd.
Tajuddin Mohd Rasdi
**Regionalisme dalam seni
bina Malaysia : era
moden, pascamoden dan
global**

Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2016.
248ms.
ISBN 978-983-46-1015-9

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU




Kompilasi syair oleh 45 orang penyair tanah air yang terbahagi kepada tiga kategori; iaitu golongan penyair veteran, golongan kedua iaitu campuran antara muda dan tua dan yang ketiga golongan yang baru berkenalan dengan puisi. Golongan ketiga ini walaupun baru tetapi mereka ini terlibat dengan penulisan cerpen, novel dan seni tampak. Menampilkan 174 buah puisi yang berkualiti dengan setiap satunya mempunyai peristiwa, kisah dan mesej yang tersendiri. Puisi-puisi oleh penyair lama dan baru ini sesuai untuk tatapan para penyair serta yang mereka yang berminat dalam bidang ini.

Antologi puisi : sebuah poligenre

Kuantan : Dewan Persuratan Melayu Pahang,
2015. 307ms.
ISBN 978-983-2909-02-6


SINOPSIS BUKU



Khairuddin Mohamad,
Ghazali Ismail & Mastura
Mohamed Berawi
**Sejarah perkembangan
bahasa Melayu,
perkamusan & terjemahan**
Petaling Jaya : Sasbadi,
2015. 308ms.
ISBN 978-983-59-7862-3

Bahasa Melayu telah berkembang sebagai bahasa pentadbiran abad ke-7 hingga abad ke-13 sebagai bahasa pentadbiran dan lingua franca di Semenanjung Tanah Melayu, kepulauan Riau dan Sumatera. Buku ini ditulis untuk penuntut jurusan Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu, Perkamusan dan Terjemahan Institut Pendidikan Guru di seluruh negara. Menghuraikan aspek falsafah dan perkembangan bahasa Melayu semasa era pramerdeka dan era pascakolonial serta cabaran masa depan bahasa Melayu. Turut diketengahkan susur-galur perkembangan tatabahasa Melayu, sejarah perkembangan ejaan Jawi dan Rumi, korpus bahasa dan juga kaedah penterjemahan untuk panduan pembaca. Bahkan buku ini amat sesuai sekali untuk dijadikan sumber rujukan bagi warga pelajar dan pendidik.

SINOPSIS BUKU




Buku ini membicarakan peranan sekolah sebagai organisasi pembelajaran dalam membentuk masyarakat yang berdaya saing. Sekolah Bestari, Sekolah Kluster Kecemerlangan dan Sekolah Berprestasi Tinggi telah diwujudkan bertujuan merealisasikan hasrat pendidikan Negara bagi menjamin kualiti pendidikan berada pada tahap tertinggi. Peningkatan persaingan di kalangan pelbagai jenis sekolah menuntut sekolah melakukan perubahan dalam menghadapi cabaran baru seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan.

Rosnah Ishak, Muhammad
Faizal A. Ghani, Saedah
Siraj
**Sekolah sebagai institusi
pembelajaran**
Kuala Lumpur : Dewan
Bahasa dan Pustaka, 2016.
125ms.
ISBN 978-983-49-0058-8

Sari Pustaka

SINOPSIS BUKU



Aziz Shafie, Ruslan Rainis & Abu Hassan Ahmad

Sistem maklumat geografi dalam kajian demam denggi di Malaysia

Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, 2015.
164ms.

ISBN 978-983-100-824-9

Demam Denggi (DD) dan Demam Denggi Berdarah (DDB) yang disebarluaskan oleh nyamuk Aedes merupakan penyakit berjangkit yang amat berbahaya dan boleh mengakibatkan kematian. Walaupun pelbagai usaha pencegahan dan pengawalan dilakukan, namun penyakit ini terus merebak di Malaysia. Buku ini membincangkan bagaimana Sistem Maklumat Geografi (GIS) dapat diaplikasikan sepenuhnya dalam usaha mencegah dan mengawal penyakit ini. Turut diuraikan tentang kejadian kes denggi dan kaedah pencegahan dan pengawalan penyakit serta perincian mengenai penggunaan GIS bagi tujuan membentuk model ruangan bagi meramalkan risiko kejadian kes penyakit denggi. Amat sesuai dibaca oleh pelbagai golongan sama ada pegawai perubatan, penyelidik, pelajar universiti dan orang awam khusunya.

SINOPSIS BUKU



Buku motivasi ini dihasilkan berdasarkan cerita dan kisah-kisah benar yang berlaku kepada penulis sendiri. Mengandungi perkongsian kisah menarik untuk memberi pengajaran dan iktibar kepada pembaca kerana setiap cerita memaparkan kisah yang mungkin berlaku kepada semua orang. Terdapat banyak cerita yang boleh dijadikan tauladan dalam kehidupan seharian. Buku ini juga turut memuatkan pelbagai kata-kata motivasi dari penulis dan juga koleksi falsafah dari pelbagai sumber. Buku ini sangat sesuai untuk golongan remaja khususnya dan golongan muda amnya.

Sofuan Saadon
**Untuk buat anda terkesan
(Ubat)**

Batu Caves, Selangor :
Must Read, 2016. 165 ms.
ISBN 978-967-0716-77-0